

7239

**Warisan: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan
Negeri Sembilan 22 (1999)**

PERANG TANJUNG TUAN - SATU TINJAUAN AWAL

Oleh:

Abd. Rahim bin Ismail. STPD

Pengenalan

Abad ke-16 merupakan zaman yang memperlihatkan kekuasaan Portugis di Asia Tenggara khususnya di Melaka. Apabila jatuhnya Melaka kepada Portugis pada tahun 1511, perimbangan kuasa di Asia Tenggara mengalami perubahan yang besar. Kejatuhan Melaka dan kemunculan kerajaan-kerajaan Melayu seperti Johor, Perak dan Aceh masih belum mampu menggugat kedudukan Portugis di Melaka. Biarpun Johor dan Aceh sering berperang dengan Portugis melalui Perang Tiga Segi tetapi kuasa Portugis masih kekal di sana sehingga jatuh kepada Belanda pada tahun 1641.

Pada abad ke-17, kuasa Belanda mula berkembang di rantau Asia Tenggara. Belanda merupakan saingan yang kuat kepada Portugis. Sebenarnya kehadiran Belanda di perairan sebelah sini makin merumitkan lagi keadaan politik yang telah sedia ada. Kehadiran Belanda bukan sahaja untuk berdagang tetapi membalas dendam terhadap kuasa Portugis dan Sepanyol. Perasaan ini berlaku kerana Philip II (Raja Sepanyol) yang menakluk Portugal mengambil langkah menutup pelabuhan Lisbon pada tahun 1580. Penutupan ini sekali gus memberhentikan status Belanda sebagai pengedar barang-barang Timur ke Eropah. Mengikut Harrison (1966:103) penutupan pelabuhan Lisbon dan perjuangan nasional melawan pemerintahan Sepanyol - Portugis merupakan faktor besar yang menggerakkan orang-orang Belanda untuk datang ke pulau-pulau rempah dan pasaran-pasaran yang kaya di Asia Tenggara.

Tindakan Philip II telah menyebabkan pihak Belanda mengisytiharkan perang terhadap dua kuasa ini baik di mana sahaja mereka bertemu. Bagi pihak Belanda perang untuk kemerdekaan bukan sahaja bertempat di Eropah tetapi juga di Asia Tenggara asalkan kuasa Belanda mampu menyapu bersih pengkalan-pengkalan Portugis. Atas dasar inilah Belanda mula menaruh minat untuk menduduki Melaka yang ketika itu dianggap sebagai bandar terkaya di Hindia,

di samping Goa dan Ormus (Sheehan, 1934:75). Dalam usaha menjayakan hasratnya ini Belanda tidak terburu-buru, sebaliknya telah melaksanakan dasar terbaik-baik dengan musuh Portugis iaitu Johor dan Aceh.

Sebab-sebab Peperangan

Salah satu medan tempur Belanda-Portugis adalah di perairan Tanjung Tuan. Selain dasar dan sikap Belanda yang ingin membalas dendam ke atas penutupan pelabuhan Lisbon, peperangan Tanjung Tuan ini juga telah didasari oleh beberapa sebab. Pada tahun 1603 sebuah kapal Portugis yang bernama Santa Catharina telah diserang oleh Belanda ketika berlabuh di kuala Sungai Johor. Kapal yang diketuai oleh Sabatiao Serro dalam pelayaran dari Macau ke Melaka penuh dengan muatani dagangan. Angkatan Belanda yang diketuai oleh Jacob van Heemskert itu merampas segala muatannya. Semua telah dihantar ke Belanda.

Dalam tahun yang sama, pihak Belanda telah menghantar Jacob Buijsen ke Johor. Kedatangan beliau telah disambut dan diraikan secara besar-besaran oleh pembesar-pembesar Johor. Menurut Buyong Adil (1971:50) perbuatan orang Belanda menyerang dan merampas kapal Portugis itu, dan telah bersahabat pula dengan kerajaan Johor telah menyebabkan orang Portugis di Melaka marah kepada kerajaan Johor terutamanya Raja Bongsu (Raja Abdullah) yang bersahabat dengan orang-orang Belanda itu. Bagi menunjukkan rasa tidak puas hatinya, Portugis telah menghantar kapal perang ke Batu Sawar, ibu kota kerajaan Johor. Portugis telah mengepung Batu Sawar sehingga bulan Oktober 1603. Pengepungan ini berjaya dipecahkan oleh Jacob Pieterz van Enkhuijen, setelah diberitahu melalui dua pucuk surat. Satu daripadanya ditulis oleh sultan Johor iaitu Sultan Alauddin Riayat Shah II dan satu lagi oleh Jacob Buijsen. Kejayaan ini disambut dengan gembira oleh Sultan Johor dan Raja Bongsu. Jacob Pieterz van Enkhuijen telah dihadiahkan beberapa bilah keris yang membalasnya dengan sebilah pedang Jepun berulu perak untuk sultan dan sepucuk senapang untuk Raja Bongsu. Permusuhan Johor dengan Portugis berlarutan kerana Johor tidak mahu menghalau orang Belanda yang dianggap 'pencuri' oleh orang Portugis.

Kedatangan dan sikap bersahabat orang Belanda dianggap sebagai peluang yang ditunggu-tunggu oleh pihak Johor dalam usahanya mendapatkan kembali Melaka. Kesultanan Johor telah melihat orang Belanda boleh dibuat kawan untuk melawan musuh lamanya iaitu orang Portugis. Johor yang lemah bersekongkol dengan Belanda walaupun Belanda tidak berniat sekali-kali untuk mengembalikan semula Melaka kepada Johor (Hall:1987:427). Apa yang diingini

Johor ialah Belanda akan membantunya menentang Aceh. Sebaliknya Belanda berharap dengan terhalanya Portugis sekaligus saingan hebat dari Melaka dan kedudukan Portugis yang tegas di Kepulauan Maluku dapat dipatahkan. Kedudukan Portugis di Maluku merupakan halangan besar kepada perkembangan perdagangan Belanda di Kepulauan Indonesia. Keinginan untuk menyingkirkan saingan Portugis ini telah mendorong Belanda mengepung Melaka (Khoo dan Lo, 1978:5).

Johor pula, selain keinginan untuk mendapatkan bantuan Belanda mengalahkan Aceh, juga menggunakan persahabatan ini bagi mengembalikan semula 'maruah' kesultanan Johor yang sudah merosot ketika itu. menurut Ryan (1966:52) kesempatan yang diperolehi daripada persahabatan dengan Belanda ini telah digunakan sepenuhnya oleh sultan yang berikutnya, Sultan Alauddin (1597-1615) untuk memulihkan semula kewibawaan keluarga raja.

Persekongkolan Belanda-Johor semakin menjadi nyata apabila kedua-dua kuasa ini mula menunjukkan minat untuk mengadakan perjanjian. Pada 5 Mei 1606 Seri Raja Negara, ketua Orang Laut dan juga Syahbandar di Singapura telah diperintah oleh raja Bongsu untuk belayar ke Melaka. Sesampainya beliau di sana dilihatnya kapal Laksamana Cornelius Matelief sedang berlabuh di Melaka. Seri Raja Negara pulang untuk memberitahu keadaan ini kepada Raja Bongsu. Raja Bongsu dengan satu angkatan tentera terdiri daripada 50 buah kapal, membawa 3000 orang askar telah belayar ke Melaka dan bertemu dengan Laksamana Cornelius Matelief. Perjumpaan ini telah berlangsung di atas kapal Belanda, *Oranje*. Mereka merundingkan cara untuk menyerang Melaka dan pembahagian harta rampasan perang, jika Portugis dapat dikalahkan. Dalam perjumpaan ini, kedua-dua belah pihak gagal untuk menyelesaikan masalah pemberian hak ke atas harta rampasan. Valentyn seperti yang dikutip oleh Harrison (1966:112) menggambarkan kedua-dua belah pihak sibuk seperti hendak menjual belulang beruang yang masih belum dapat ditangkap.

Akhirnya melalui 'perkahwinan tanpa cinta' ini, Belanda-Johor telah bersetuju untuk tolong-menolong. Belanda sanggup membantu Johor menentang Aceh dan Johor pula berjanji akan menolong Belanda menentang Portugis. Surat perjanjian ini telah ditandatangani oleh Raja Bongsu bagi pihak kerajaan Johor dan Laksamana Cornelius Matelief di pihak Belanda di atas kapal *Oranje* pada 17 Mei 1606 (Buyong Adil, 1971:53). Syarat-syarat perjanjian tersebut adalah:

1. Johor hendaklah membantu Belanda menyerang Portugis di Melaka.

2. Setelah Melaka direbut daripada Portugis, bandar Melaka diserahkan kepada Belanda manakala daerah sekitarnya kepada Johor.
3. Perniagaan Belanda tidak dikenakan cukai.
4. Orang-orang Belanda dibenarkan mengambil kayu-kayan di hutan Melaka untuk membuat kapal dan alat pertahanan.
5. Belanda dan Johor tidak boleh mengadakan perjanjian bersendirian dengan Sepanyol kecuali mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak terlebih dahulu.
6. Belanda tidak membantu Johor kalau diserang tetapi Belanda bersedia untuk berunding sekiranya Aceh menyerang Johor.

(Wan Shamsuddin-Arena Wati, 1969:58)

Proses Perang

Pada 18 Mei 1606, dengan persetujuan Johor, Laksamana Matelief mendaratkan 800 orang askarnya di selatan Kota Melaka. Semasa melancarkan serangan tersebut, Laksamana Matelief memiliki 11 buah kapal dan 1300 orang askar. Melaka ketika itu di bawah pemerintahan Ketua Komandernya, Don Furtado de Mendoza (Sheehan, 1934:73). Askar Portugis yang bertahan ketika itu hanya 80 orang (Cardon, 1934:15). Sewaktu mendarat, pihak Belanda mendapati kampung-kampung di luar Kota Melaka telah dibakar dan penduduk-penduduknya dipindahkan ke kota A' Famosa. Walaupun merasai berbagai-bagai penderitaan, Portugis masih mampu mempertahankan Kota Melaka daripada ditawan Belanda.

Kepungan pasukan Laksamana Matelief berterusan hingga bulan Ogos. Laksamana Matelief berusaha memutuskan hubungan Melaka dengan dunia luar. Namun, keadaan di Melaka sudah diketahui oleh Portugis di Goa. Wizurai Portugis, Don Martin d' Alfonso de Castro telah memimpin armada yang mengandungi 30 buah kapal perang ke Melaka. Apabila mendengar berita ini, Laksamana Matelief dan askar-askarnya terburu-buru kembali ke kapal. Semasa melarikan diri mereka telah betembung dengan angkatan Portugis di perairan Tanjung Tuan atau Cape Rachado (lihat lampiran 1)

Pertembungan ini berlaku pada 18 Ogos 1606 dan seterusnya berlakulah peperangan di kawasan perairan berhampiran Bambek Shoal¹. Sebanyak 30 buah kapal Portugis dan 11 buah kapal Belanda terlibat dalam pertempuran laut ini. Pihak Portugis dikatakan mempunyai 10,000 orang tentera sementara pihak

Belanda hanya mempunyai 12000 orang tentera sahaja (*Buku Cenderamata Muzium Lukut*, t.t:16). Pertempuran ini berlaku selama lebih kurang seminggu. Kapal perang Portugis dikatakan lebih besar daripada kapal Belanda tetapi senjata Belanda lebih berkualiti. Belanda dikatakan menggunakan meriam yang lebih baik yang menggunakan peluru seberat 64 paun (Sheehan, 1934:74).

Kedua-dua pihak, Belanda dan Portugis banyak kehilangan nyawa termasuk dua buah kapal. Pihak Belanda kehilangan *Nassau* dan *Middleburgs*. Menurut Boxer dalam *The Affair of the Madre de Dues* kapal *Nassau* kehilangan kapten, pembantunya dan 20 orang krew (*Buku Cenderamata Muzium Lukut*, tt:17). Pihak Portugis pula kehilangan *Sao Salvador* dan *Don Duarte de Guerra's* (*Buku Cenderamata Muzium Lukut*, tt:16). Selanjutnya Boxer juga menyatakan Belanda kehilangan 150 orang tenteranya dan banyak yang cedera manakala pihak Portugis pula kehilangan dua atau tiga kali ganda.

Setelah berjaya mengelakkan diri daripada terus diserang oleh Portugis, pada 24 Ogos 1606, Laksamana Cornelius Matelief berundur ke Johor bagi mendapatkan bantuan senjata yang baru. Di pihak Portugis pula, walaupun berjaya menghalau Belanda daripada menawan Melaka, namun angkatan lautnya di bawah pimpinan Don Martin Alfonse de castro, Wizurai India mengalami kekalahan terus dan juga kehilangan banyak harta dan nyawa (Mills, 1966:7).

Rumusan

Peperangan ini sebenarnya melibatkan tiga pihak iaitu Belanda yang dibantu oleh Johor menentang Portugis. Penggunaan nama Tanjung Tuan dalam menamakan peperangan ini, secara 'kebetulan'. Pada hakikatnya peperangan ini tidak melibatkan bahagian daratan Tanjung Tuan secara langsung. Sebelum peperangan itu terjadi, Melaka sedang terkepung dan tentera Portugis pula bermati-matian mempertahankannya daripada jatuh ke tangan Belanda. Apabila Belanda mendengar berita tentang kedatangan armada Portugis dari Goa, mereka cuba melarikan diri tetapi bertembung di kawasan Bambek Shoal Tanjung Tuan. Dengan demikian, peperangan tidak dapat dielakkan dan berakhir dengan kekalahan di pihak Belanda.

Walaupun pakatan Belanda-Johor gagal pada kali ini, mereka terus menekan Portugis di Melaka hingga akhirnya Belanda dengan bantuan Johor berjaya mengalahkan Portugis pada 14 Januari 1641.


Jabatan Muzium Negara telah berjaya menemui dan menaikkan kapal *Nassau* kepunyaan Belanda di perairan Tanjung Tuan baru-baru ini. Kapal ini berukuran 40 meter panjang, 320 tan beratnya dengan muatan 9000 paun serbuk bedil, 100000 paun jongkong timah dan 30000 syiling Sepanyol. Segala penemuan itu sekarang ini sedang dipamerkan oleh pihak Muzium Lukut di bahagian Galeri *Nassau*.

Nota Kaki

- ¹ Bambek Shoal terletak kira-kira 22km ke utara Tanjung Tuan (Cape Rachado) atau 14km di bahagian barat Port Dickson.

Bibliografi

- Buyong Adil, Haji. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1971
- Cardon, Rev. Fr. R. 'Portuguese Malacca'. *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society*. Vol. XII. Part II. 1934. 1-23
- Khoo, G. & Dorothy Lo. *Asia Dalam Perubahan*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Book (Asia) Ltd. 1978.
- Hall, D. G. E. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1987.
- Harrison, Brian. *Asia Tenggara Satu Sejarah Ringkas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1966.
- Mills, L.A. *British Malaya 1827-67*. Kuala Lumpur. Oxford University Press. 1966.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 'Linggi: Persejarahan dan Pensejarahan yang Sering Dilupai'. Kertas Kerja Seminar Pengemaskinian Pensejarahan Negeri Sembilan. Allison Klana Resort Seremban, Negeri Sembilan. 29 Ogos 1996.
- Sheehan, J.J. 'An Extract from Md. John Niehhoff's Voyages and Travels to the East Indies'. *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society*. Vol. XII. Part II. 1934. 71-107.
- Wan Shamsuddin & Arena Wati. *Sejarah Tanah Melayu dan Sekitarnya 1400-1967*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara. 1969.



PETA: KAWASAN PEPERANGAN

Sumber: Norhalim Haji Ibrahim : 1996